



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PENGUKUHAN 3R (ROYAL, RELIGION, RACE) DARI ASPEK
MAQASID SYARIAH: BERDASARKAN PENCAPAIAN IPNAS
2022**

*STRENGTHENING THE 3R (ROYAL, RELIGION, RACE) FROM THE
PERSPECTIVE OF MAQASID SYARIAH: BASED ON THE ARCHIEVEMENT OF
IPNAS2022*

Nadiyah Hashim^{1*}, Ahmad Rozaini Ali Hassan², Syaimak Ismail³, Hajar Opir⁴, Marina Abu Bakar⁵

¹ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis.
Email: nadiyah@uitm.edu.my

² Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Seri Iskandar, Perak
Email: ahmad@uitm.edu.my

³ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis
Email: syaimak@uitm.edu.my

⁴ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Shah Alam, Selangor
Email: hajar_opir@uitm.edu.my

⁵ Academy Contemporary Islamic Studies, Universiti Institut Teknologi Mara, Cawangan Arau, Perlis
Email: marinaab@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.01.2025

Revised date: 12.02.2025

Accepted date: 17.03.2025

Published date: 25.03.2025

To cite this document:

Hashim, N., Hassan, A. R. A., Ismail, S., Opir, H., & Abu Bakar, M. (2025). Pengukuhan 3R (Royal, Religion, Race) Dari Aspek Maqasid Syariah: Berdasarkan Pencapaian IPNAS 2022. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 277-287.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039019

Abstrak:

Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama pastinya mempunyai cabaran penyatuan dan keharmonian bersama. tiga perkara penting yang perlu dijaga ialah isu agama (religion), raja-raja (royal) dan bangsa (race). Indeks Perpaduan Nasional telah mengeluarkan laporan dan telah membuat pemetaan bersama pelan tindakan yang akan dijalankan sehingga 2023. Terdapat 5 teras strategik utama telah dikeluarkan untuk membina keadaan Malaysia lebih harmoni. Kertas kerja ini akan memberi penekanan terhadap tiga perkara besar iaitu 3R (religion, royal dan race) dan mencadangkan pelan tindakan dikukuhkan dengan konsep maqasid syariah. Maqasid syariah sendiri merupakan kaedah yang meraikan kebersamaan dan mengutamakan keharmonian sesama manusia. penjagaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta dapat diimplementasi supaya keseimbangan dan keutamaan yang mengikut susunan terjaga. Kajian ini bersifat kajian perpustakaan menganalisis dokumen dan pandangan ulama kontemporari dalam isu 3R khususnya di Malaysia. Hasilnya dengan pemahaman konsep maqasid syariah, semua rakyat saling menjaga antara satu sama lain terutama isu 3R.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Kata Kunci:

Agama, Bangsa, Maqasid Syariah, Pelan Tindakan, Raja, IPNas, 3R

Abstract:

Malaysia, a country composed of diverse ethnicities and religions, inevitably faces challenges in achieving unity and harmony. Three crucial aspects that must be safeguarded are religion, the monarchy, and race (commonly referred to as the 3R issues: Religion, Royalty, and Race). The National Unity Index has released a report and developed a strategic roadmap that will be implemented until 2023. Five key strategic pillars have been outlined to foster a more harmonious Malaysia. This paper focuses on the three major concerns—3R (Religion, Royalty, and Race)—and proposes strengthening the action plan through the concept of Maqasid Syariah. Maqasid Syariah itself is a framework that promotes inclusivity and prioritizes harmony among human beings. By upholding the preservation of religion, life, intellect, dignity, and wealth, balance and priority can be maintained in an organized manner. This study employs a library-based research approach, analyzing documents and the perspectives of contemporary scholars on 3R issues, particularly in Malaysia. The findings suggest that by understanding the concept of Maqasid Syariah, all citizens can contribute to mutual care and responsibility, especially concerning 3R-related matters.

Keywords:

National Unity, Plan Strategic, Race, Religion, Royal, IPNas, 3R

Pengenalan

Tiga perkara penting yang perlu dijaga ialah isu agama (religion), raja-raja (royal) dan bangsa (race). Tidak dinafikan, isu-isu seperti pemindahan Kuil Dewi Sri Phatarakaliamman jalan Masjid India mengundang provokasi isu agama dan bangsa. Namun situasi itu tidaklah menandakan ketegangan keharmonian masyarakat di Malaysia. Malaysia masih lagi aman dan harmoni, indeks perpaduan negara (IPNas 2022) telah mengesahkan kedudukan keharmonian di dalam negara kita. 5 teras utama telah dicadangkan dan penekanan terhadap tiga perkara besar ini, sengketa kecil dapat dipatahkan dan diuruskan. Kajian ini bertujuan menghubungkan langkah strategik dalam usaha menjaga keharmonian kaum tanah air dengan konsep maqasid syariah. Maqasid syariah sendiri mempunyai kaedah yang meraikan kebersamaan dan mengutamakan keharmonian sesama manusia bertepatan dengan konsep Islam adalah rahmat sekalian alam. Resipi keharmonian pastinya perlukan kerjasama, pemahaman yang jitu dan toleransi antara agama, kaum dan status sosial. Menurut Sharif (2022) faktor kaum mempunyai impak yang signifikan terhadap toleransi dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Toleransi kaum berbeza mengikut etnik, dengan Borneo menunjukkan toleransi yang lebih tinggi berbanding kaum lain seperti Melayu dan Cina. Meerangani et al. (2024) juga menyebut pengaruh 3R (Race, Religion, Royal) memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat. Terdapat kajian yang menunjukkan penerimaan bangsa Cina adalah paling rendah terhadap toleransi bersama agama lain berbanding bangsa India dan Melayu (Sani et al., 2021). Oleh itu diharapkan dengan langkah pengukuhan ini Islam sebagai rahmat sekalian alam akan lebih dirasai dan dinikmati.

Cabaran dan Ancaman

Tidak dinafikan gadget dan media sosial merupakan cabaran utama perpaduan. Sepatutnya ia menjadi alat penghubung, tetapi bila ia disalahgunakan ia akan menjadi seperti gunting dalam lipatan. Media sosial menjadi platform utama untuk perbincangan mengenai isu kaum dan etnik. Walaupun ia membuka ruang untuk dialog, ia juga memperlihatkan bias dan stereotaip yang boleh menghalang keharmonian (Jerome, 2024). Tetapi sayangnya platform digital platform digital telah dijadikan alat untuk menyebarkan kebencian terhadap kaum, agama, dan institusi diraja dan telah menimbulkan ketegangan yang boleh mengancam perpaduan (Meerangani, 2024). Ia juga disokong oleh Sharif (2022) bahawa dalam era Revolusi Industri 4.0, platform teknologi maklumat dan komunikasi kadang-kadang digunakan untuk menyebarkan kebencian etnik dan agama. kerajaan harus memastikan ia seharusnya menekankan perlunya pemahaman budaya dan agama yang lebih mendalam untuk mengekalkan masyarakat yang harmoni.

Gabriel (2021) menerangkan terdapat perbezaan antara 'multiracialism' yang disokong oleh kerajaan dan 'multiculturalism' yang didorong oleh rakyat, yang menawarkan cara berfikir yang berbeza tentang kaum. Jika dilihat daripada aspek politik, situasi politik tanah air juga amat menyumbang kepada keharmonian. politik kaum di Malaysia telah wujud sejak zaman penjajahan dan terus mempengaruhi pembangunan politik, ekonomi, dan budaya negara. Politik ini sering kali menonjolkan keistimewaan politik dan ekonomi bagi kaum Melayu (Neoh, 2020). Cabaran utama dalam politik kaum di Malaysia adalah untuk mengatasi ketegangan etnik yang berterusan dan membina masyarakat yang lebih harmoni. Walaupun terdapat usaha untuk mempromosikan multikulturalisme, politik kaum masih menjadi isu utama yang mempengaruhi kestabilan politik dan sosial negara. Pilihan raya umum 2008 menunjukkan peralihan sokongan merentasi garis etnik, tetapi tidak menandakan berakhirnya politik kaum. Sebaliknya, ia menunjukkan bagaimana isu-isu keadilan sosial dan akauntabiliti boleh dikodkan semula dalam istilah kaum (Gabriel, 2021). Kes-kes penukaran agama yang melibatkan perkahwinan antara agama juga telah menimbulkan kebimbangan dan boleh mengganggu keharmonian kaum jika tidak ditangani dengan baik. Muslim tiada hak untuk menukar agama kerana perkahwinan seperti yang terjadi dalam kes Lina Joy (Neoh, 2020).

Jurang pendapatan, status sosial juga merupakan cabaran. Walaupun terdapat kemajuan dalam mengurangkan ketidaksamaan relatif antara etnik, ketidaksamaan mutlak masih meningkat. Ini menunjukkan bahawa walaupun pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi dalam kalangan etnik bumiputera, jurang ekonomi antara etnik masih besar (Martin Ravallion, 2020). Isu kurang kesedaran juga perlu diterima sebagai salah satu cabaran keharmonian. Kajian Othman. M (2020) mendapati bahawa tahap pemahaman dan penghayatan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih gigih dalam memupuk semangat perpaduan dari peringkat awal pendidikan.

Laporan IPNAS 2022 (Berdasarkan Etnik, Agama, Tahap Pendidikan dan Pendapatan Isi Rumah)

IPNas, merupakan satu inisiatif penilaian di bawah Kementerian Perpaduan Nasional. IPNas ialah penilaian komprehensif yang mengukur prestasi negara merentasi pelbagai sektor, termasuk indikator sosial, ekonomi dan alam sekitar. Indeks IPNas 2022 ini menyediakan gambaran penting tentang kemajuan dan cabaran dalam mencapai matlamat negara.

Indeks ini menyerlahkan kekuatan dan kelemahan dalam bidang-bidang yang kritikal untuk pembangunan negara, dan membantu dalam merangka dasar-dasar untuk menangani jurang yang dikenal pasti dalam bidang-bidang seperti pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur.

Jadual 21: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Etnik

Etnik	Nilai R ²		
	Semenanjung	Sabah dan WP Labuan	Sarawak
Bumiputera			
Melayu	0.627	0.637	0.538
Bumiputera lain	-	-	-
Kadazan / Dusun	-	0.593	-
Bajau	-	0.602	-
Murut	-	0.793	-
Iban	-	-	0.689
Bidayuh	-	-	0.836
Melanau	-	-	0.662
Cina	0.677	0.728	0.613
India	0.622	-	-
Lain-lain	0.702	0.599	0.782

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnikian, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Sumber: (Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, ms 47)

Berdasarkan pencapaian IPNas mengikut etnik, kaum kaum yang menetap di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapat mata yang lebih tinggi berbanding kaum yang sama tetapi menetap di semenanjung dan Sarawak. hanya kaum Murut yang menetap di Sabah mencapai mata petunjuk yang tinggi iaitu melebihi 0.75 berbanding yang lain hanya pada peringkat sederhana.

Jadual 22: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Agama

Agama	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
Lain-Lain	0.136	0.411	0.734	0.789
Tidak Menyatakan	0.301	0.618	0.719	0.773
Buddha	0.161	0.533	0.724	0.684
Islam	0.070	0.337	0.615	0.624
Hindu	0.097	0.470	0.711	0.622
Kristian	0.109	0.470	0.664	0.602

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnikian, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Sumber: (Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, ms 48)

Pencapaian IPNas mengikut agama pula menunjukkan, penganut agama minoriti yang mencapai mata tinggi berbanding penganut agama utama di Malaysia seperti Islam, Buddha, Hindu dan Kristian.

Jadual 23: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
LCE/SRP/PMR/PT3/Setaraf	0.279	0.474	0.677	0.716
UPSR/Setaraf	0.263	0.571	0.711	0.678
MCE/SPM/Setaraf	0.132	0.385	0.672	0.645
Ijazah/Sijil Profesional/ Setaraf	0.079	0.316	0.624	0.622
HSC/STPM/Sijil/Diploma	0.110	0.382	0.639	0.620
Sarjana/Doktor Falsafah	0.077	0.354	0.658	0.619

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnik, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Sumber: (Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, ms 49)

Pencapaian IPNas mengikut tahap pendidikan pula menunjukkan tahap pendidikan LCE/SRP/PMR/PT3/Setaraf dan UPSR/Setaraf lebih tinggi berbanding peringkat Ijazah, Diploma, Sarjana dan Doktor Falsafah. Petunjuk ini mungkin boleh dibincangkan dengan lebih teliti kerana melalui pendidikanlah idea dan nilai perpaduan diterapkan.

Jadual 24: Pencapaian IPNas Peringkat Nasional Mengikut Kategori Pendapatan Isi Rumah

Pendapatan Isi Rumah	Nilai R ²			
	TK	HSRE	EB	KS
Tiada Pendapatan	0.158	0.490	0.681	0.690
RM10,960 dan ke atas	0.093	0.297	0.617	0.629
RM4,850 dan ke bawah	0.091	0.382	0.653	0.620
RM4,851 – RM10,959	0.081	0.322	0.634	0.619

Petunjuk: Tinggi (0.75-1.00); Sederhana (0.50-0.74); Rendah (0.25-0.49); Lemah (0.0-0.24)

TK=Tahap Keetnik, HSRE=Hubungan Sosial Rentas Etnik, EB=Etos Bangsa, KS=Kesepaduan Sosial

Sumber: (Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, ms 50)

Pencapaian IPNas mengikut kategori isi rumah pula menunjukkan mata perpaduan responden yang dilaporkan tiada pendapatan adalah lebih tinggi berbanding golongan T20 diikuti golongan M40 dan golongan B40. Perkara ini juga wajar dibincangkan dengan teliti kerana sosioekonomi dan jurang pendapatan amat mempengaruhi keharmonian masyarakat.

Jadual 41: Pemetaan Dapatan IPNas 2022

	Asas Penemuan	Inisiatif	Strategi	Tindakan yang Diperlukan	Agensi Terlibat	Pemetaan PTPN
01	Tadbir Urus dan Pembangunan	Mengekalkan dan menambah baik susunan tadbir urus secara meluas dan berkesan	Promosi kefahaman baharu perpaduan	Menyediakan latihan <i>Training of Trainers</i> , kemahiran mengurus kepelbagaian, dan integriti	KPN dan rakan Strategik	TS 1**, TS 2**, TS 4**
02	Etos Bangsa	Menguatkan jati diri menerusi Keluarga Malaysia, Unit Kenegaraan	Menggalakan program pengukuhan jati diri disemua peringkat masyarakat	Memberi garis panduan bantu menyelaras program pengukuhan jati diri antara agensi	KPN dan rakan Strategik	TS 1**, TS 2**, TS 4**
03	Hubungan Sosial Rentas Etnik	Pengukuhan aktiviti dan program melibatkan individu, keluarga dan komuniti secara kolektif	Program tabika perpaduan, jaringan rakan perpaduan [<i>Friends of Unity, Cafe Unity</i>]	Pemantauan program yang berterusan dan kerjasama berkesan antara agensi	KPN dan rakan Strategik	TS 2**, TS 4**
04	Tahap Keetnikian	Pembinaan tapak integrasi sesuai dengan keperluan defisit sosial	Unit mediasi dan KRT	Peningkatan kegiatan integrasi	KPN dan rakan Strategik	TS 2**, TS 4**

*Pelaksanaan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan terjemahan tindakan dan pelaksanaan yang dapat menyumbang kepada tercapainya hasrat yang terkandung dalam Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang telah dilancarkan pada tahun 2021. Ia adalah inisiatif Kementerian Perpaduan Negara yang merentasi pelbagai Kementerian/ Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta dalam bentuk pelaksanaan yang terancang dan lebih terangkum selari dengan pendekatan Kerajaan hari ini yang menjadi aspirasi Keluarga Malaysia sebagai falsafah pentadbiran negara.

TS 1**: Teras Strategik 1- Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan

TS 2**: Teras Strategik 2- Membentuk Masyarakat yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan

TS 3**: Teras Strategik 3- Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil dan Saksama

TS 4**: Teras Strategik 4- Menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan

TS 5**: Teras Strategik 5- Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi

7

Sumber: (Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional, ms 73)

Inilah hasil laporan IPNas yang telah mengeluarkan 5 Teras Strategik Utama untuk pelaksanaan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Teras Strategik 1 : Memelihara Sistem Demokrasi Raja Berperlembagaan

Teras Strategik 2: Membentuk Masyarakat Yang Menghargai Perpaduan:

Teras Strategik 3 : Memperkasakan Sosioekonomi Yang Adil Dan Saksama

Teras Strategik 4: Menjamin Keterbukaan Dan Toleransi Perbezaan Agama Dan Tradisi Budaya

Teras Strategik 5 : Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi Dan Inovasi

Konsep Maqasid Syariah

Maqasid syariah bermaksud objektif atau matlamat pensyariaan hukum-hukum di dalam Islam. Setiap sesuatu yang ditetapkan oleh Allah mempunyai hikmah yang tersendiri. Antara keutamaannya ialah mengambil masalah dan menolak kemudaratan kepada sesiapa sahaja. Masalah mestilah berdasarkan pertimbangan syariah dan tidak boleh didasari akal semata-

mata. Inilah keutamaan berpandu kepada maqasid syariah dalam membuat sesuatu keputusan (Ali Muhyidin, 2019). Kepentingan maqasid syariah adalah untuk dijadikan parameter dan indikator dalam pelbagai aspek. Seperti kajian Mohd Izzuddin Bin Mohd Noor dan Fatimah Nadirah Binti Mohd Noor (2018) telah mendapati secara umumnya, maqasid syariah boleh diaplikasikan sebagai parameter konsep hotel patuh syariah, begitu juga kajian Awang Nib Zuhairi Bin Awang Ahmad et al (2021) pula menghuraikan maqasid syariah dalam parameter kesejahteraan keluarga. Portal rasmi JAKIM (2024) menyebut masalah yang menjadi teras kepada maqasid syariah adalah sesuai untuk semua manusia pada setiap tempat dan zaman; samada muslim mahupun tidak. Ini berasaskan konsep Islam rahmat untuk sekalian alam. Antara yang perlu diberi tumpuan ialah bidang pentadbiran negara. Ia adalah lapangan yang sangat penting dan menjadi tonggak kepada kesejahteraan manusia. Nilai-nilai maqasid syariah hendaklah mengiringi segala tindakan dan urusan pentadbiran negara agar kemaslahatan rakyat dan negara terjamin. Maqasid syariah juga adalah kayu ukur yang mudah difahami oleh orang awam. Jika memenuhi ke semua ukuran maqasid syariah, maka lengkap dan sempurna sesuatu itu. (Muhammad Nazir Alias dan Maimun Aqsha Lubis, 2018).

Pendedahan Konsep Maqasid Syariah dalam Aspek 3R

Pelbagai konsep dan idea boleh dibina dan dibentuk untuk membangunkan model yang dapat mendidik mahasiswa/wi ke arah cintakan keharmonian. Ia tidak sekadar di institut pengajian tinggi awam (IPTA) malah ia turut boleh dilaksanakan di institut pengajian tinggi swasta (IPTS). Terdapat satu kajian yang mendapati majoriti budaya berfikir Mahasiswa dan Mahasiswi terhadap sentimen perkauman adalah positif dan boleh dilihat bahawa mereka telah meningkatkan pengetahuan dalam menghadapi isu perkauman serta mengawal bagaimana isu tersebut mempengaruhi pandangan dan sikap mereka. Pendidikan formal di universiti membentuk mereka untuk mewujudkan pemahaman yang baik tentang isu perkauman dan menekan kepentingan toleransi serta kesamarataan. Kebanyakan responden juga sangat setuju dengan pernyataan inisiatif harus diambil untuk mendekati satu sama lain di luar zon keselesaan kita dari segi kumpulan agama dan etnik berbeza. Hal ini demikian, pengalaman peribadi mereka dalam interaksi dengan individu berlainan kaum yang dapat membentuk pandangan yang positif (Muhammad Syaher, 2023).

Peranan Maqasid Syariah dalam Pendidikan

Pendidikan Islam yang berasaskan maqasid syariah bertujuan untuk membentuk individu yang memahami dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Ini termasuklah penerapan nilai-nilai moral, keadilan, dan kesejahteraan sosial dalam kurikulum pendidikan (Wardiwiyono, 2020). Pengurusan pendidikan Islam yang berkesan memerlukan integrasi prinsip kewangan syariah seperti ketelusan, keadilan, dan perkongsian risiko. Ini bukan sahaja memastikan kelestarian kewangan institusi pendidikan tetapi juga mengukuhkan identiti agama dan budaya komuniti Muslim (Jinan, 2024). Ia juga disokong oleh kajian Aly Abdel Moneim (2021) dan Husni (2022) bahawa perlunya hubungan jalinan rasionalisasi multidimensi pemikiran berasaskan Maqāṣid dalam pendidikan untuk mencapai pembangunan dan kejayaan sebenar. Ia tidak dapat dijalankan oleh satu pihak sahaja tetapi perlu ada usaha menghimpunkan anggota masyarakat dan menggerakkan tenaga ulama, intelektual, pemuda dan wanita. Othman, M (2020) menyebut pendidikan di peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam memupuk semangat perpaduan. Di peringkat universiti, program yang menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan pembelajaran juga disarankan. Penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti sosial dan organisasi pelajar dapat memperkukuhkan semangat perpaduan. Organisasi pelajar, terutamanya yang berasaskan agama, memainkan peranan penting dalam memupuk semangat

kebangsaan dan perpaduan melalui program-program yang menekankan pluralisme dan demokrasi (Sjam, 2021).

Secara rumusannya, kajian lepas telah membicarakan maqasid syariah mempunyai strategi yang tersendiri dan sesuai diaplikasi pada semua bidang dan lapangan.

Kaedah Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan metod analisis dokumen. Laporan IPNas 2022 dijadikan sandaran data utama untuk mendapatkan hasil laporan terkini keharmonian kaum di Malaysia. Data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan yang akan melihat secara tersurat dan tersirat hasil laporan berkenaan. Kemudian dapatan analisis akan dipadankan dengan aspek maqasid syariah yang boleh dijadikan sebagai pengukuhan cara tindakan yang dapat diambil oleh pelbagai pihak.

Penemuan

Berikut merupakan cadangan pengukuhan pelan tindakan strategik yang didasari oleh maqasid syariah untuk keseimbangan dan meletakkan keutamaan pada tempat yang sebetulnya.

Agama (Religion)

Penjagaan agama adalah melalui Teras Strategik 4: menjamin keterbukaan dan toleransi perbezaan agama dan tradisi budaya dan ia boleh dihubungkan dengan maqasid syariah pertama iaitu menjaga agama. Al-Quran menyatakan bahawa tidak ada paksaan dalam agama, dan Islam mengakui kewujudan agama lain serta menghormati nilai-nilai ajarannya (Kamil, 2022). Islam mengajarkan tasamuh (toleransi) dan rahmat (kasih sayang) sebagai prinsip utama dalam berinteraksi dengan penganut agama lain. Dialog antara agama dan kerjasama adalah penting untuk mencapai keharmonian sosial. Islam menekankan akhlak dan keharmonian walaupun bukan sesama agama (Yulfani 2021). Islam menolak ekstremisme dan keganasan, dan mengajarkan cinta, hormat, dan kedamaian sebagai asas interaksi antara manusia. Ini termasuk menghormati semua nabi dan kitab suci agama lain (Muhammad Ali Shaikh, 2022). Melalui maqasid syariah, agama adalah satu keutamaan berbanding kepentingan lain. mengelak isu agama adalah sebaiknya dan jika ia masih berlaku, keutamaan penyelesaian terhadap isu agama adalah perlu diutamakan berbanding isu lain seperti ekonomi dan sebagainya.


Raja (Royal)

Pemeliharaan institusi beraja adalah melalui Teras Strategik 1: memelihara sistem demokrasi raja berpelembagaan dan ia dihubungkan dengan maqasid syariah keempat iaitu menjaga maruah. Peranan Perlembagaan: Dalam sistem perlembagaan Malaysia, raja-raja Melayu, termasuk Yang di-Pertuan Agong, mempunyai peranan simbolik dan substantif. Mereka bertanggungjawab memastikan kerajaan berfungsi mengikut perlembagaan dan melindungi kepentingan rakyat. Raja-raja juga memainkan peranan penting dalam memelihara nilai-nilai tradisional dan budaya Melayu. Mereka sering dilihat sebagai penjaga adat dan tradisi, serta berfungsi sebagai simbol perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Walaupun terdapat cabaran politik, termasuk krisis perlembagaan dan perubahan dalam landskap politik, raja-raja Melayu telah berjaya mengekalkan relevansi mereka dalam sistem politik Malaysia (Harding, 2020). Raja adalah simbol maruah peribumi di tanah air. Ia wajib dipelihara malah ia juga berkait rapat dengan maruah agama Islam negara kita. Isu yang membabitkan nama raja wajar ditangani dengan cermat tetapi dalam masa yang sama ia bukanlah bermakna kuasa raja

melangkaui agama. Maqasid syariah meletakkan ketaatan bersyarat kepada makhluk selagi mana ia tidak bercanggah dengan syariat.

Kaum (Race)

Teras Strategik 2 ialah membentuk masyarakat yang menghargai perpaduan dan Teras Strategik keempat iaitu menjamin keterbukaan dan toleransi perbezaan agama dan tradisi budaya dapat dijalinkan dengan maqasid syariah 2 dan 4 iaitu menjaga nyawa dan keturunan; Islam mengutuk rasisme dan menekankan bahawa semua manusia harus hidup dalam keharmonian dan kesaksamaan tanpa diskriminasi berdasarkan bangsa, kekayaan, warna kulit, atau kepercayaan agama (Latef, 2020). Negara kita wajar menjadikan Negara Islam Madinah sebagai model sebuah negara berbilang kaum dan agama (Hassan, 2021). Memperkukuhkan identiti nasional melalui pendidikan dan program yang menekankan nilai-nilai kebangsaan adalah penting. Ini termasuk penghayatan Rukun Negara dan penyertaan dalam program yang mempromosikan perpaduan (Othman, 2023). Perpaduan harus dipupuk dari peringkat keluarga dan komuniti. Keluarga dan masyarakat perlu memainkan peranan aktif dalam menyokong usaha pendidikan dan program perpaduan (Othman, 2020). Maqasid syariah mengajar menjaga nyawa. Nyawa manusia itu amat berharga walaupun ia bukan beragama Islam. Tidak dibenarkan membunuh sesuka hati malah ketika dalam keadaan berperang pun perlu mematuhi adab dan peraturan.



Hubungkait Maqasid Syariah sebagai Pengukuhan Pelan Teras Strategik berkaitan 3R

Kesimpulan

Keharmonian kaum di Malaysia adalah hasil daripada usaha berterusan untuk menguruskan hubungan etnik yang kompleks. Walaupun terdapat cabaran seperti penyalahgunaan media sosial dan isu penukaran agama, elemen-elemen seperti toleransi kaum dan pengaruh 3R adalah penting dalam mengekalkan perpaduan. Sejarah politik kaum dan peranan media sosial juga memainkan peranan penting dalam membentuk landskap sosio-politik Malaysia. Kajian ini berjaya mencapai objektif penemuan langkah pengukuhan aspek 3R berdasarkan maqasid syariah. Adalah diharapkan adanya hubung jalin usaha keharmonian kaum dengan ahli akademik agar usaha ke arah menjadikan Malaysia negara yang lebih baik akan berjaya. Kajian berterusan dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian isu adalah lebih utama daripada hanya memandang dan mengeruhkan keadaan dengan membesarkan isu.

Penghargaan

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari yang menganjurkan Kolokium Akademik antara UiTM Perlis dan UTAR. Kertas kerja ini dapat memberi maklumat terkini dan bertukar pandangan tentang isu perpaduan, pengurusan dan sekaligus mengeratkan hubungan ahli akademik.

Rujukan

- Ali Muhyidin al-Qarah Daghi. (2019). *Fiqh al-Mizan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd
- Awang Nib Johari Awang Ahmad et al. (2021). Kesejahteraan Keluarga Menurut Maqasid Syariah Dalam Konteks Masyarakat Majmuk Di Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*. DOI - 10.51377/azjaf.vol1no2.36
- Gabriel, S. (2021). Racialisation in Malaysia: Multiracialism, multiculturalism, and the cultural politics of the possible. *Journal of Southeast Asian Studies*, 52, 611 - 633. <https://doi.org/10.1017/S0022463421000953>.
- Hassan, F. (2021). Multiculturalism And Social Inclusion In Medieval Arab-Muslim Culture. *Islamic Sciences*. <https://doi.org/10.52337/islsci.v4i1.53>.
- Harding, A. (2020). The Rulers and the Centrality of Conventions in Malaysia's 'Eastminster' Constitution. In: Kumarasingham, H. (eds) *Viceregalism*. Cambridge Imperial and Post-Colonial Studies Series. Palgrave Macmillan, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-030-46283-3_10
- Husni, A., Busari, S., & Husni, A. (2022). Manifestation of Moderation in the Context of Islamic Law: Maqasid Study. *Al Hikmah International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*. <https://doi.org/10.46722/hkmh.5.2.22b>.
- Jerome, C., Hasbi, N., & Ting, S. (2024). "Stop Being Racist": What Malaysians Say About Race On Social Media - A Thematic Analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.936030>.
- Jinan, M., Syapiuddin, M., & Nasri, U. (2024). Holistic Integration: Syariah Finance Principles in Islamic Education Management. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*. <https://doi.org/10.29303/jipp.v9i2.2243>.
- Kamil, S. (2022). Religious Harmony in Islamic Concept and its Historic Practices: Freedom of Religion and Pluralism as the Basis. *Sunan Kalijaga: International Journal of Islamic Civilization*. <https://doi.org/10.14421/skijic.v5i1.2174>.
- Latef, K. (2020). *Islam's Combat of Racism as Evidenced by Al-Qur'an and Hadith*. , 14, 99-116. <https://doi.org/10.21043/addin.v14i1.8122>.
- Laporan Akhir Indeks Perpaduan Nasional 2022
- Meerangani, K., Hamid, M., Wahab, N., Satar, A., & Martin, D. (2024). The Influence of 3R (Race, Religion, Royalty) on the Harmony of Society in the Digital Era. *International*

Journal of Research and Innovation in Social Science.
<https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.805150>.

- Moneim, A. (2021). *The Ontology and Epistemology of Maq ā ṣ id ī-based Knowledge and Its Educational Implications : A Methodological Perspective*.
- Muhammad Nazir Alias, & Maimun Aqsha Lubis. (2018). Maqasid Syariah as Determination of Islamic Law Based on Shafie School of Thought. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(1), 2600–2769.
- Muhammad Syaher, Syamirul Muhaimin, Aqil Ikhwan, Ahmad Izzuddin, & Deeva Haren A/L Pannirselvam. (2023). Sentimen Perkauman dalam kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 71-84.
<https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/11957>
- Neoh, J. (2020). Apostasy and freedom of religion in Malaysia. .
<https://doi.org/10.4337/9781788977807.00024>.
- Othman, I., Karulus, Y., Talib, M., Mokhtar, S., Yusoff, M., & Kamal, H. (2023). Cultivating Patriotism Among University Students: Facilitating The Formation Of The Malaysian Family Concept In A Multiracial Society. *International Journal of Modern Education*.
<https://doi.org/10.35631/ijmoe.519025>.
- Othman, M., Othman, Z., Abdullah, M., Halim, F., Aziz, A., Rajanthiran, R., & Tamizi, N. (2020). Strategies In Inculcating Unity Values Among Higher Education Institutions Students. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*.
<https://doi.org/10.35631/ijmtss.312009>.
- Portal JAKIM. (2021). *Maqasid Syariah Sejagat Inklusif Progresif*. Retrieved from:
<https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/maqasid-syariah-sejagat-inklusif-progresif>
- Ravallion, M. (2020). Ethnic inequality and poverty in Malaysia since May 1969. Part 1: Inequality. *World Development*, 134, 105040.
<https://doi.org/10.1016/j.worlddev.2020.105040>.
- Shaikh, M., Channa, A., & Kalhor, S. (2022). امن عالم کا تصور قرآن اور سیرۃ طیبہ کی روشنی میں. *Al-Duhaa*. <https://doi.org/10.51665/al-duhaa.003.01.0159>.
- Sharif, D. (2022). Impact Re Factor On The Tolerance Of A Multicultural Society In Malaysia. *The European Proceedings of Multidisciplinary Sciences*.
<https://doi.org/10.15405/epms.2022.10.42>.
- Sjam, D., Budimansyah, D., Nurdin, E., & Malihah, E. (2021). The Model Of Strengthening National Identity In The Cadre Process Of Student Organization. *JOMSIGN: Journal of Multicultural Studies in Guidance and Counseling*.
<https://doi.org/10.17509/jomsign.v5i1.26413>.
- Wardiwiyo, S. (2020). *Six Years in Achieving Maqasid Ash-Shariah: The Case of Islamic Commercial Banks in Indonesia*. , 20-24. <https://doi.org/10.2991/ahsr.k.200723.005>.
- Yulfani. (2021). Akhlak Bergaul Muslim yang Baik dalam Islam Menurut Sayyid Muhammad. *Hijaz: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*. <https://doi.org/10.57251/hij.v1i2.159>.